

# Kamarizs Medicare, UTM kerjasama bangunkan suplemen koenzim

Oleh [Mary Victoria Dass](#) - Oktober 12, 2023 @ 10:39am  
bhnews@bh.com.my



Dari kiri, Pengarah Urusan Kamarizs Medicare Sdn Bhd, Datin Dr Suhaila Sujani, Dr Zahir dan Rosli pada majlis menandatangani MoA di UTM.

Johor Bahru: Kamarizs Medicare Sdn Bhd menjalin kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi projek pembangunan suplemen koenzim CoQ10.

Pengaruhnya, Datuk Dr Zahir Husain Kamari, berkata projek pembangunan suplemen dengan kerjasama Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) UTM yang membabitkan kos ratusan ribu ringgit mengambil masa selama 15 bulan.

Beliau berkata, jalinan kerjasama berkenaan adalah inisiatif memperkuuh hubungan industri dengan institusi pendidikan serta memantapkan budaya penyelidikan dalam pertumbuhan ekonomi berdasarkan inovasi dalam bidang farmaseutikal.



Sesi menandatangani MoA di UTM.

Beliau berkata, menerusi kolaborasi ini, formulasi baharu bakal dicipta bagi memenuhi keperluan pasaran.

Katanya, formulasi suplemen CoQ10 dihasilkan itu adalah yang pertama dibangunkan di negara ini dengan menggunakan teknologi sistem penghantaran ubat berkesan, formulasi semula jadi, selamat dan bebas bahan kimia berbahaya serta halal.

"Projek pembangunan suplemen itu bukan saja bagi memupuk kesedaran bagi pencegahan penyakit malah kepentingan penjagaan kesihatan yang tidak ternilai," katanya.

Zahir berkata, projek pembangunan berkenaan juga menjadi antara usaha pihaknya mencapai sasaran untuk menerajui pengeluaran suplemen di negara ini.

"Projek ini melambangkan kesungguhan dalam menghadapi cabaran penyelidikan saintifik dan memberi gambaran berkaitan potensi bagi meningkatkan kesihatan masyarakat serta pertumbuhan ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Kamarizs Medicare Sdn Bhd dan UTM, kelmarin.

## **Inovasi beri manfaat**

Matlamat MoA ini adalah untuk memperkuatkan hubungan dengan industri dan kedudukan budaya penyelidikan dalam pertumbuhan ekonomi berdasarkan inovasi yang memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat di negara ini, seperti terkandung dalam UTM Research and Innovation Blueprint 2025.



Projek kerjasama antara Kamarizs Medicare Sdn Bhd dan Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) UTM (Online).

Perjanjian ini ditandatangani oleh Zahir yang mewakili Kamarizs Medicare Sdn Bhd, manakala Timbalan Naib Canselor Penyelidikan UTM, Profesor Dr Rosli Md Illias bagi pihak UTM.

Sementara itu, Rosli berkata, pihaknya berharap menerusi perjanjian ini, lebih banyak peluang penyelidikan antara universiti dan industri dapat dicapai bagi menghasilkan produk berkualiti tinggi menerusi penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Kerjasama ini juga dapat merealisasikan agenda percambahan ilmu dan mencipta peluang meneroka bidang baharu untuk kesejahteraan sejagat," katanya.